



Siaran Akhbar

PAMERAN 5G MALAYSIA MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT ALAMI SENDIRI MANFAAT TEKNOLOGI 5G

- Pameran 5G Malaysia berlangsung pada 18 April sehingga 21 April 2019 di Putrajaya
- Memberi peluang kepada rakyat di negara ini untuk menyaksikan sendiri bagaimana teknologi 5G boleh meningkatkan taraf hidup mereka
- 5G juga menjadi pemangkin ke arah Revolusi Industri 4.0 bagi menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik

PUTRAJAYA, 18 April 2019 --- Pameran 5G Malaysia yang bermula hari ini selama empat hari di Putrajaya memberi peluang kepada rakyat di negara ini untuk melihat dan mengalami secara langsung manfaat teknologi 5G dan kesannya kepada kehidupan mereka.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Gobind Singh Deo berkata, para pengunjung akan berpeluang untuk melihat sendiri pelbagai demonstrasi peralatan seperti penggunaan teknologi hologram bagi membolehkan kehadiran maya, proses rawatan dan diagnosis pesakit tanpa doktor di sisi, demonstrasi robot tangan, kereta tanpa pemandu yang dikawal menggunakan gabungan sensor serta kamera, radar dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) menggunakan teknologi 5G.

Selain itu, menurutnya, lain-lain teknologi terkini seperti pengecaman wajah, simulasi dron, pencetakan 3D, arena sukan bola keranjang robotik, sistem pengesanan orang ramai (*crowd tracking*) menggunakan Internet Benda (*Internet of Things*), dan banyak lagi pameran menarik turut ditayangkan sepanjang tempoh pameran tersebut.

“Kehidupan seharian kita pada masa hadapan akan menjadi lebih mudah dan efisien – dipertingkat dan dibolehkan oleh kesalinghubungan 5G. Para petani berupaya untuk mengesan kadar kelembapan tanah dan keasidan secara masa nyata bagi memaksimumkan hasil dan kecekapan mereka serta golongan nelayan mampu untuk memaksimumkan hasil tangkapan mereka menggunakan teknik-teknik yang tepat. Selain itu, anggota polis atau pihak bomba juga berupaya mengurangkan risiko kepada nyawa mereka secara substantif dan pada masa yang sama, masih boleh memberikan maklum balas tepat dan pantas menerusi robotik yang dipacu oleh 5G. Ini adalah antara beberapa contoh yang mampu direalisasikan pada masa hadapan dengan 5G.

5G sudah pasti akan memperkukuhkan kapasiti kita untuk terlibat dalam Revolusi Industri 4.0. Ia akan membolehkan industri-industri kita untuk mengguna pakai kuasa *artificial intelligence*, robotik, data raya (*big data*), realiti maya, dan kejuruteraan perisian. 5G juga akan membawa inovasi yang akan memberi impak yang substantif kepada hampir semua sektor termasuk pendidikan, pengangkutan, pertanian, penjagaan kesihatan, pembuatan, hiburan dan keselamatan awam,” jelas Gobind.

Pada masa yang sama, Forum *Digital Outlook Series 2019* yang menetengahkan barisan panelis berpengalaman turut diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan 5G seperti “5G: Evolusi atau Revolusi?” oleh penasihat Pasukan Petugas 5G Malaysia, Profesor Dr. Tharek Abd Rahman; serta topik pendigitalan pelbagai industri vertikal yang dipacukan 5G oleh pakar-pakar teknologi daripada Australia, Korea Selatan, Jepun, dan banyak lagi.

Sementara itu, Pengerusi MCMC, Al-Ishsal Ishak pula memberitahu, pihak Suruhanjaya komited untuk memastikan kesalinghubungan memberikan suatu pengalaman yang positif dalam kehidupan rakyat Malaysia dan pada masa yang sama, meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Langkah ini, menurut Al-Ishsal, adalah sejajar dengan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (*National Fiberisation and Connectivity Plan*) yang akan menyediakan rakyat dengan kesalinghubungan digital yang teguh, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik bagi memacu negara ke arah fasa pertumbuhan yang lestari.

Perasmian Pameran 5G Malaysia ini disempurnakan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hadir sama ke majlis pelancaran Pameran 5G Malaysia itu adalah Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid Abdul Samad; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Dato’ Seri Azmin Ali; Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, YB Dr. Xavier Jayakumar; Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow; Ketua Menteri Melaka, YAB Adly Zahari; Ahli Parlimen Port Dickson, YB Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr. Aminuddin Hassim; duta-duta asing, wakil-wakil daripada syarikat-syarikat telekomunikasi dan pemain-pemain industri.

Bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Pameran 5G Malaysia dibuka kepada pihak Kementerian-Kementerian, agensi-agensi kerajaan dan industri pada 19 April (Jumaat) manakala orang ramai boleh mengunjungi pameran tersebut pada 20 dan 21 April 2019.